- 7.2 **Perwakilan Terengganu, Haji Mohamad Yusof bin Deraman** ingin mendapatkan penjelasan ke atas pelaburan KSB dalam Kasturi Klasik (M) Sdn Bhd (Kasturi Klasik) sebanyak RM500,000.00 sebagaimana dibentangkan pada mukasurat 75, Buku Laporan Tahunan 2017.
- 7.3 **Bendahari KSB** menjelaskan KSB telah mendapat keuntungan sebanyak RM595,000.00 hasil dari pelaburan dalam Kasturi Klasik. Memandangkan Kasturi Klasik telah tidak menjalankan perniagaan sejak tahun 2012 maka rosot nilai penuh telah diperuntukkan ke atas pelaburan ini.
- 7.4 **Perwakilan Selangor B, Haji Izhar bin Abd Kahar** menegur mengenai tempoh masa penggunaan dewan yang terhad yang sepatutnya tidak berlaku memandangkan banyak perkara perlu dibincangkan di MAPT ini.
- 7.4.1 Beliau inginkan penjelasan daripada Juruaudit Luar, Tetuan A. Razak & Co. samada syarikat tersebut mengikut Piawaian Pengauditan Antarabangsa dan samada telah memaklumkan kepada Lembaga KSB mengenai konsep usaha berterusan ('going concern') bagi subsidiari-subsidiari yang tidak aktif.

- 7.4.2 Beliau juga inginkan penjelasan samada penghutang perdagangan, Landmark Zone Sdn Bhd berjumlah RM4,301,700.00 seperti yang dibentangkan di muka surat 81, Buku Laporan Tahunan 2017 telah membayar hutang tersebut atau sebaliknya.
- 7.4.3 Beliau berpendapat Lembaga tidak seharusnya terbeban untuk mengisytihar dividen sebanyak 10% setiap tahun kerana pengisytiharan dividen perlu dilihat dari sudut pencapaian KSB pada tahun tersebut. Beliau seterusnya berpendapat dividen yang bakal diisytihar bukan atas hasil keuntungan sahaja tetapi perlu juga dilihat kedudukan kecairan aliran tunai KSB.
- 7.4.4 Beliau menyarankan agar Lembaga menubuhkan satu (1) Jawatankuasa Penilaian dan Pemantauan Projek seperti yang telah beliau cadangkan pada MAPT ke-33 lalu.
- 7.5 **Bendahari KSB** memaklumkan Lembaga mengambil perhatian ke atas teguran mengenai tempoh penggunaan dewan bagi MAPT ini.
- 7.5.1 Beliau juga menyatakan Landmark Zone Sdn Bhd telah membayar hutang sebanyak RM4,301,700.00 pada 26 Januari 2018.
- 7.5.2 Beliau seterusnya memaklumkan pendapat mengenai pengisytiharan dividen dan penubuhan Jawatankuasa Penilaian dan Pemantauan Projek akan diambil perhatian oleh Lembaga.
- 7.6 **Tetuan A. Razak & Co.** memaklumkan syarikatnya sentiasa mematuhi Piawaian Pengauditan Antarabangsa semasa mengaudit akaun KSB dan subsidiari-subsidiarinya termasuk mengenai konsep usaha berterusan di mana pelaburan di dalam subsidiari-subsidiari yang tidak aktif telah diberi peruntukan rosot nilai seperti dibentangkan di muka surat 75, Buku Laporan Tahunan 2017 di bawah tajuk Kepentingan Dalam Subsidiari.
- 7.7 **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abu Bakar bin Basuni** mencadangkan agenda ini diterima dan diluluskan.
- Perwakilan Kedah A, Haji Wan Ismail bin Wan Md Isa** menyokong cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 8 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA BAGI TAHUN 2018 DAN 2019

- 8.1 **Bendahari KSB** membentangkan Belanjawan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2018 dan 2019 di muka surat 240 hingga 242 Buku Laporan Tahunan 2017, untuk ditimbang dan diluluskan.
- 8.2 **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abu Bakar bin Basuni** mencadangkan agenda ini diterima dan diluluskan.
- Perwakilan Kedah A, Haji Wan Ismail bin Wan Md Isa** menyokong cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 9 : MEMILIH EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA MENURUT UNDANG-UNDANG KECIL 38 (1)

9.1 **Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan nama empat (4) orang Anggota Lembaga berikut menurut uuk 38(1) yang akan mengosongkan jawatan dan layak untuk dipilih semula :

- i) Haji Md Akib bin Hashim
- ii) Hajah Zainab binti Haji Abu
- iii) Haji Ismail bin Muda
- iv) Encik Anuar Zaki bin Bakar

9.2 **Pengerusi Mesyuarat** seterusnya mengumumkan sebelas (11) orang calon yang akan bertanding bagi mengisi empat (4) kekosongan jawatan anggota Lembaga seperti berikut :

- i) **Haji Md Akib bin Hashim**
(Anggota Lembaga)
- ii) **Hajah Zainab binti Haji Abu**
(Anggota Lembaga)
- iii) **Haji Ismail bin Muda**
(Anggota Lembaga)
- iv) **Encik Anuar Zaki bin Bakar**
(Anggota Lembaga)
- v) **Haji Abu Bakkar bin Shawkat Ali**
(Perwakilan Melaka)
- vi) **Encik Hasri bin Abdul Karim**
(Perwakilan Perak A)
- vii) **Haji Zainal bin Othman**
(Perwakilan Kelantan A)
- viii) **Puan Hasnah binti Datuk Haji Taulani**
(Perwakilan Sabah)
- ix) **Haji Hafiz bin Muhamad Hanan**
(Perwakilan Pulau Pinang A)
- x) **Dato' Paduka Haji Sheikh Hasbullah bin Abd Halim**
(Perwakilan Kedah G)
- xi) **Dato' Ir. Haji Ismail bin Haji Mat Noor**
(Perwakilan Pahang B)

9.3 **Pengerusi Mesyuarat** memaklumkan bahawa calon nombor lima (v) iaitu Haji Abu Bakkar bin Shawkat Ali tidak menghadiri mesyuarat dan pencalonan beliau terbatal.

9.4 **Pengerusi Mesyuarat** meminta semua calon berdiri untuk memperkenalkan diri dan undian akan dijalankan secara sulit.

9.5 **Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan keputusan undian ke atas calon-calon tersebut yang mana telah dikira dan disahkan oleh wakil Juruaudit Luar, Tetuan A. Razak & Co. seperti berikut :

Nama Calon	Jumlah Undi
i) Haji Md Akib bin Hashim	158
ii) Hajah Zainab binti Haji Abu	124
iii) Encik Anuar Baki bin Bakar	121
iv) Haji Ismail bin Muda	81
v) Dato' Paduka Haji Sheikh Hasbullah bin Abd Halim	68

vi)	Dato' Ir. Haji Ismail bin Haji Mat Noor	68
vii)	Puan Hasnah binti Datuk Haji Taulani	47
viii)	Encik Hasri bin Abdul Karim	43
ix)	Haji Zainal bin Othman	43
x)	Haji Hafiz bin Muhamad Hanan	35

9.6 Dengan keputusan tersebut, **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan perwakilan yang berjaya dipilih untuk mengisi empat (4) kekosongan jawatan anggota Lembaga menurut uuk 38(1) seperti berikut:

- i) Haji Md Akib bin Hashim
- ii) Hajah Zainab binti Haji Abu
- iii) Encik Anuar Zaki bin Bakar
- iv) Haji Ismail bin Muda

AGENDA 10 : MEMBENTANGKAN BAYARAN ELAUN-ELAUN BERIKUT :

- I. MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN BULANAN KEPADA PENERUSI, SETIAUSAHA, BENDAHARI KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN PENERUSI BAGI SUBSIDIARI-SUBSIDIARI YANG AKTIF;
- II. MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT BAGI ANGGOTA LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SERTA ANGGOTA-ANGGOTA YANG DILANTIK SEBAGAI LEMBAGA PENGARAH BAGI SUBSIDIARI-SUBSIDIARI KOPERASI SHAMELIN BERHAD; DAN
- III. MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT BAGI PENERUSI JAWATANKUASA KECIL, ANGGOTA LEMBAGA DAN PERWAKILAN YANG DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATANKUASA KECIL-JAWATANKUASA KECIL

10.1 **Bendahari KSB** membentangkan cadangan mengekalkan kadar elaun-elaun di atas sepertimana yang telah diluluskan di MAPT Ke-33 pada 9 Julai 2017 yang lalu.

10.2 **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abu Bakar bin Basuni** mencadangkan agenda ini diterima dan diluluskan.

Perwakilan Kedah A, Haji Wan Ismail bin Wan Md Isa menyokong cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 11 : MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK DIPILIH SALAH SATU DARIPADANYA BAGI MENGAUDIT AKAUN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

11.1 **Bendahari KSB** membentangkan empat (4) firma audit untuk dipilih salah satu daripadanya bagi mengaudit akaun KSB dan subsidiari-subsidiarinya seperti Buku Laporan Tahunan 2017, muka surat 245.

11.2 **Perwakilan Selangor B, Encik Kasim bin Darus** bersetuju untuk menyerahkan kepada kebijaksanaan Lembaga untuk memilih firma audit bagi mengaudit akaun KSB dan subsidiari-subsidiarinya.

Perwakilan Kedah A, Encik Zainol bin Man menyokong cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 12 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIYAI OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

12.1 **Bendahari KSB** membentangkan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan KSB dan subsidiari-subsidiarinya seperti yang dibentangkan di Buku Laporan Tahunan 2017, muka surat 246.

12.2 **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** mencadangkan supaya Agenda 12 yang dibentangkan diterima dan diluluskan.

Perwakilan Selangor A, Haji Ramlan bin Tarmom menyokong cadangan itu dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 13 : MENETAPKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

13.1 **Bendahari KSB** membentangkan had maksimum keterhutangan KSB dan subsidiari-subsidiarinya seperti dibentangkan di Buku Laporan Tahunan 2017, muka surat 247.

13.2 **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** mencadangkan supaya Agenda 13 yang dibentangkan diterima dan diluluskan.

Perwakilan Selangor A, Haji Ramlan bin Tarmom menyokong cadangan itu dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 14 : MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN USUL-USUL BERTULIS ATAU URUSAN LAIN YANG SATU NOTIS TIDAK KURANG DARI TUJUH (7) HARI TELAH DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA TERMASUK PERKARA-PERKARA YANG MANA ANGGOTA TERKILAN DENGAN KEPUTUSAN LEMBAGA

14.1 **Setiausaha KSB** membentangkan keputusan Anggota Lembaga ke atas usul-usul yang diterima dari kawasan-kawasan bagi tahun 2018 seperti di Kembaran 2 (warna ungu) untuk didengar, ditimbang dan diputuskan.

14.2 **Perwakilan Terengganu, Haji Mohamad Yusof bin Deraman** mencadangkan keputusan anggota Lembaga ke atas usul-usul tersebut diterima.

Perwakilan Terengganu, Haji Abdul Latiff bin Mat Hussin menyokong cadangan ini dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 15 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN ATURAN-ATURAN, JIKA ADA

15.1 **Setiausaha KSB** membentangkan dua (2) usul Lembaga ke atas pindaan undang-undang kecil dan aturan-aturan seperti di Kembaran 3 (warna merah) untuk ditimbang dan diluluskan.

i) Usul pertama
Cadangan ke atas Aturan-aturan Simpanan Khas Anggota Koperasi Shamelin Berhad.

- ii) Usul kedua
Cadangan ke atas Aturan-aturan Kumpulan Wang Ganjaran Persaraan Kakitangan Koperasi Shamelin Berhad.

15.2 Pembentangan beliau ke atas kedua-dua usul ini adalah seperti berikut:

i) Usul Pertama - Aturan-aturan Simpanan Khas Anggota Koperasi Shamelin Berhad

1. Nama

- (1) Aturan-aturan ini adalah dinamakan Aturan-aturan Simpanan Khas.
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 46(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi ini.

2. Tafsiran

Dalam Aturan-aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :

- (a) 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa semasa;
- (b) 'Anggota' termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;
- (c) 'Aturan' maknanya Aturan-aturan Simpanan Khas;
- (d) 'Dividen' maknanya bahagian keuntungan Koperasi Shamelin Berhad yang dibahagikan di kalangan anggota-anggota mengikut kadar modal syer yang dipegang oleh mereka;
- (e) 'Koperasi' maknanya Koperasi Shamelin Berhad;
- (f) 'Lembaga' maknanya Lembaga Koperasi Shamelin Berhad;
- (g) 'Peraturan' maknanya Peraturan-peraturan Koperasi yang dibuat di bawah Akta dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
- (h) 'Pengerusi Eksekutif' maknanya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- (i) 'Undang-undang Kecil' maknanya Undang-undang Kecil Koperasi Shamelin Berhad dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada Undang-undang Kecil ini.

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal dan jamak, dan perkataan yang bererti jenis laki-laki hendaklah meliputi jenis perempuan.

3. Tujuan

- 3.1 Tujuan Simpanan Khas ini ialah untuk mengkreditkan dividen yang dibayar atas modal syer kepunyaan anggota yang tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.

- 3.2 Simpanan Khas ini hendaklah didepositkan ke simpanan tetap di mana-mana bank di Malaysia tetapi tidak boleh digunakan bagi menjalankan lain-lain aktiviti pelaburan atau perniagaan.

4. Penyelesaian Wang Anggota

- 4.1 Seseorang anggota yang berhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini berhak baginya menerima balik wang yang ada dalam akaun simpanan khasnya menurut peruntukan fasal (1) uuk 24.

5. Pengeluaran

- (1) Anggota boleh mengeluarkan semua dividen yang dimasukkan ke dalam akaun simpanan khas ini pada bila-bila masa. Anggota hendaklah memberi empat belas (14) hari notis kepada koperasi ini untuk mengeluarkan wang dari simpanan khas ini.
- (2) Walau bagaimanapun Lembaga dengan budi bicaranya boleh menerima notis yang lebih singkat.

6. Pindaan Kepada Aturan-Aturan

- (1) Aturan-aturan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Undang-undang Kecil Koperasi dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (2) Lembaga Koperasi ini, dengan persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi ini bolehlah meminda peruntukan dalam aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Simpanan Khas ini.

- 15.2.1 **Setiausaha KSB** memaklumkan bagi melaksanakan aturan-aturan simpanan khas ini uuk 68 perlu dipinda seperti berikut:

SEDIA ADA

68. Dividen dan potongan langganan

- (2) Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun modal syer dan modal yuran sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.

PINDAAN

- (2) Dividen hendaklah dikreditkan ke *akaun simpanan khas* sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.

ii) Usul Kedua - Kumpulan Wang Ganjaran Persaraan Kakitangan Koperasi Shamelin Berhad

1. Nama

- (1) Aturan-aturan ini adalah dinamakan aturan-aturan Kumpulan Wang Ganjaran Persaraan Kakitangan Koperasi Shamelin Berhad.

- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 46(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi ini.

2. Tafsiran

Dalam Aturan-aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :

- (a) 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
- (b) 'Kakitangan' maknanya sesiapa yang dibayar gaji dan berjawatan tetap di Koperasi ini yang dilantik di bawah undang-undang kecil 46(2)(e) &(p);
- (c) 'Aturan' maknanya Aturan-aturan Kumpulan Wang Ganjaran Persaraan Kakitangan;
- (d) 'Koperasi' maknanya Koperasi Shamelin Berhad;
- (e) 'Lembaga' maknanya Lembaga Koperasi Shamelin Berhad;
- (f) 'Peraturan' maknanya Peraturan-peraturan Koperasi 1995 yang dibuat di bawah Akta dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
- (g) 'Pengerusi Eksekutif' maknanya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- (h) 'Gaji' maknanya gaji pokok;
- (i) 'Kumpulan Wang' ini ertinya Kumpulan Wang Ganjaran Persaraan Kakitangan;
- (j) 'Undang-undang Kecil' maknanya Undang-undang Kecil Koperasi Shamelin Berhad dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada Undang-undang Kecil ini.

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal dan jamak, dan perkataan yang bererti jenis laki-laki hendaklah meliputi jenis perempuan.

3. Tujuan

Tujuan Kumpulan Wang ini diwujudkan ialah untuk mengumpulkan wang dan memberikan ganjaran kepada kakitangan yang layak di bawah aturan ini.

4. Sumber Kewangan

Sumber kewangan bagi melaksanakan aktiviti ini adalah diperolehi dari peruntukan Koperasi ini dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

5. Pentadbiran

Kumpulan Wang ini hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga atau Jawatankuasa yang dilantik olehnya di bawah undang-undang kecil 46(2)(w).

6. Pelaburan

- (1) Lembaga boleh apabila difikirkan sesuai, melaburkan semua atau sebahagian daripada wang Kumpulan Wang ini dalam saham-saham swasta atau awam, bon-bon Kerajaan atau mana-mana bank atau institusi kewangan berlesen dengan persetujuan Pengerusi Eksekutif.
- (2) Apa-apa pulangan dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam Kumpulan Wang ini untuk digunakan bagi maksud dan tujuan Kumpulan Wang ini atau dilaburkan semula bagi menambahkan kewangan Kumpulan Wang.

7. Kelayakan Kakitangan

- (1) Kemudahan ganjaran ini adalah terbuka kepada seseorang kakitangan yang telah berkhidmat dengan Koperasi ini dengan tidak terputus-putus selama tidak kurang daripada sepuluh (10) tahun dari mula berkhidmat, dan
 - (a) telah mencapai umur persaraan wajib iaitu pada umur enam puluh (60) tahun atau persaraan pilihan iaitu pada umur empat puluh lima (45) tahun bagi wanita dan lima puluh (50) tahun bagi lelaki; atau
 - (b) meninggal dunia semasa masih berkhidmat dengan Koperasi ini setelah mencapai umur persaraan pilihan tetapi bayaran ganjaran persaraan tidak akan menurut *perenggan 8(1)* kerana bayaran ganjaran persaraan ini hanya akan dibuat setelah ditolak dari jumlah penerimaan takaful hayat kakitangan tersebut oleh koperasi.
- (2) Seseorang kakitangan itu tidak layak menerima dari Kumpulan Wang ini jika;
 - (a) meletakkan jawatannya dengan sukarela daripada berkhidmat dengan Koperasi sebelum mencapai umur persaraan pilihan; atau
 - (b) telah diberhentikan daripada jawatannya oleh Koperasi ini disebabkan oleh tindakan tatatertib buang kerja.
- (3) Tiada seorang pun kakitangan Koperasi ini atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang berhak menuntut sebagai haknya apa-apa faedah dari Kumpulan Wang ini.
- (4) Keputusan yang ditetapkan di dalam Skim Perkhidmatan Kakitangan Koperasi Shamelin Berhad adalah muktamad.

8. Kadar Bayaran

- (1) Jika seseorang kakitangan itu telah berkhidmat dengan Koperasi ini dengan tidak terputus-putus selama tidak kurang daripada sepuluh (10) tahun serta telah mencapai umur persaraan wajib atau pilihan maka ganjarannya hendaklah dikira satu (1) bulan dari gaji pokok akhir dikali dengan tahun perkhidmatan.

- (2) Bagi maksud pengiraan tempoh perkhidmatan hendaklah dikira dari tarikh ia mula bekerja hingga kakitangan itu mencapai umur bersara wajib enam puluh (60) tahun atau mencapai umur bersara pilihan empat puluh lima (45) tahun bagi wanita dan lima (50) tahun bagi lelaki.

9. Cara Pembayaran

- (1) Ganjaran persaraan hendaklah dibayar kepada seseorang kakitangan di dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh berlakunya persaraan wajib.
- (2) Ganjaran persaraan akan dibayar kepada seseorang kakitangan di dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh permohonan persaraan pilihan yang diluluskan.
- (3) Ganjaran persaraan bagi kakitangan yang meninggal dunia akan hanya di bayar kepada warisnya di dalam tempoh satu (1) bulan setelah Koperasi menerima bayaran penuh perlindungan takaful hayat kakitangan tersebut daripada syarikat takaful yang berdaftar dengan Koperasi.

10. Tahun Kewangan

Tahun kewangan Kumpulan Wang ini adalah sama seperti tahun kewangan Koperasi ini.

11. Audit

Akaun Kumpulan Wang ini hendaklah diaudit bersekali dengan akaun-akaun lain Koperasi ini setahun sekali.

12. Takrif

Jika timbul sebarang perbezaan takrif aturan ini, maka takrif Lembaga adalah muktamad.

13. Pindaan Kepada Aturan

- (1) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Undang-undang kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (2) Lembaga Koperasi ini, dengan persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi ini bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Kumpulan Wang ini.

15.3 **Perwakilan Sabah, Puan Hasnah binti Datuk Haji Taulani** mencadangkan Agenda 15 yang dibentangkan oleh **Setiausaha KSB** diterima dan diluluskan.

Perwakilan Kedah H, Haji Ariffin bin Osman menyokong cadangan ini dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 16 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK DIKEMUKAKAN MENURUT KEHENDAK AKTA DAN PERATURAN, JIKA ADA


- 16.1 **Setiausaha KSB** memaklumkan tiada apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Akta dan Peraturan.

AGENDA 17 : UCAPAN PENANGGUHAN PENERUSI KOPERASI SHAMELIN BERHAD

- 17.1 **Pengerusi KSB, Haji Md Akib bin Hashim** mengucapkan syabas dan tahniah kepada Anggota Lembaga yang baru dipilih di MAPT Ke-34 ini. Beliau seterusnya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Mesyuarat yang telah menjalankan tugasnya dengan baik.
- 17.2 Beliau seterusnya mengucapkan terima kasih di atas kehadiran kesemua perwakilan dan juga kepada perwakilan-perwakilan yang telah memberi pandangan-pandangan bernas. Beliau seterusnya berjanji Lembaga akan meneliti semua pandangan yang diberikan oleh para perwakilan itu.
- 17.3 Beliau menyatakan Lembaga akan terus berusaha berbincang dengan pihak SKM dan badan-badan kerajaan yang lain agar dapat mempertimbangkan pengecualian cukai pendapatan ke atas segala perbelanjaan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan anggota.
- 17.4 Beliau berharap para perwakilan dapat terus memberi sokongan kepada Lembaga bagi menggerak dan menjayakan KSB dengan lebih cemerlang pada masa-masa hadapan.

AGENDA 18 : MESYUARAT DITANGGUHKAN

- 18.1 **Pengerusi Mesyuarat** mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi KSB atas ucapan penangguhan tersebut. Beliau merakamkan penghargaan yang tinggi kepada para perwakilan yang telah bermesyuarat dengan penuh disiplin dan beliau juga memohon maaf jika terdapat kesilapan semasa mempengerusikan MAPT KSB Ke-34 ini.
- 18.2 **Pengerusi Mesyuarat** menangguhkan MAPT KSB Ke-34 pada jam 12.08 tengahari dengan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.



كُؤَرَايِي شَمَلِيْن بَرَحَدْ








Koperasi Shamelin Berhad

(Bil. Pendaftaran 4624)

Ditentukan oleh Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Shamelin Berhad ke-34 yang diadakan pada hari Selasa, 17 Julai 2018 di Bilik Mesyuarat Koperasi Shamelin Berhad, 38-7-5 Bangunan Shamelin, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur, jam 12.00 tengahari

BAHAWA KAMI, yang dipilih semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-34, telah

- i. meneliti, menyemak dan membuat pindaan-pindaan sewajarnya pada draf minit serta
- ii. memperakukan pengesahan minit berkenaan.

NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1. Tuan Haji Md Akib bin Hashim	Pengerusi / Anggota Lembaga	
2. YBhg. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	Bendahari/ Anggota Lembaga	
3. YBhg. Datuk Haji Abu bin Pit	Anggota Lembaga	
4. YBhg. Dato' Haji Hashim bin Ahmad	Anggota Lembaga	
5. Tuan Haji Wan Ismail bin Wan Md Isa	Perwakilan Kedah A	
6. Tuan Haji Ahmad Murad bin Ami	Perwakilan Johor A	
7. Encik Abdul Aziz bin Haji Osman	Perwakilan Perak A	
8. Tuan Haji Ramlan bin Tarmom	Perwakilan Selangor A	
9. Encik Mohamad Ropi bin Zakaria	Perwakilan Kelantan A	
10. Tuan Haji Jusoh bin Ibrahim	Perwakilan Terengganu	
Turut Hadir :		
1. Tuan Haji Kamarudin bin Md Noor	Setiausaha/ Anggota Lembaga	
2. Puan Hajah Norhaniza binti Abd Rani	Ketua Pegawai Eksekutif	

38-6-4 Bangunan SHAMELIN, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa,
56100 Kuala Lumpur. Tel : 03 - 9285 2155 Faks : 03 - 9285 5606
Website : www.shamelin.com

ANGGOTA LEMBAGA



Berdiri dari kanan

Hajah Norhaniza binti Abd Rani (Ketua Pegawai Eksekutif), Puan Jariah binti Hashim, Hajah Zainab binti Haji Abu, Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan, Encik Anuar Zaki bin Bakar, Haji Hasan bin Haji Mat, Haji Ismail bin Muda dan Dato' Haji Hashim bin Ahmad

Duduk dari kanan

Datuk Haji Muhamad Feisol bin Haji Hassan, Haji Kamarudin bin Md. Noor (Setiausaha), Haji Md Akib bin Hashim (Pengerusi), Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (Bendahari) dan Datuk Haji Abu bin Pit

Bil	Nama	2017/2018					2018/2019						
		22/02/2018	31/03/2018	19/04/2018	30/05/2018	29/06/2018	30/06/2018	17/07/2018	14/09/2018	05/10/2018	22/11/2018	12/12/2018	
1	Haji Md Akib bin Hashim*	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11/11
2	Haji Kamarudin bin Md. Noor**	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11/11
3	Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim***	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11/11
4	Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11/11
5	Datuk Haji Abu bin Pit	✓	x	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10/11
6	Hajah Zainab binti Haji Abu	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11/11
7	Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	x	✓	8/11
8	Dato' Haji Hashim bin Ahmad	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11/11
9	Haji Ismail bin Muda	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11/11
10	Puan Jariah binti Hashim	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11/11
11	Encik Anuar Zaki bin Bakar	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x	x	x	8/11
12	Haji Hasan bin Haji Mat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11/11

✓
x

Hadir

Tidak Hadir dengan Maaf

*
**

Dipilih menjadi Pengerusi pada 30/06/2018

Dipilih menjadi Setiausaha pada 30/06/2018

Dipilih menjadi Bendahari pada 30/06/2018

JAWATANKUASA - JAWATANKUASA

JAWATANKUASA PENTADBIRAN & KEANGGOTAAN

Memantau keperluan dan kebajikan kakitangan untuk memastikan pencapaian kemajuan KSB dan subsidiarinya setaraf dengan industri perniagaan yang ada bagi tujuan memastikan kelancaran pentadbiran serta keberkesanan dalam menjayakan kebajikan anggota.

BIL	NAMA	2017/2018		2018/2019	
		12/02/2018	31/03/2018	02/11/2018	
1.	Encik Anuar Zaki bin Bakar	√	√	√	3/3
2.	Datuk Haji Abu bin Pit*	√	x		1/2
3.	Hajah Zainab binti Haji Abu	√	√	√	3/3
4.	Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan*	√	√		2/2
5.	Dato' Haji Hashim bin Ahmad	√	√	√	3/3
6.	Puan Jariah binti Hashim*	√	√		2/2

JAWATANKUASA KEWANGAN & PERNIAGAAN

Memantau kedudukan kewangan KSB dan subsidiarinya bagi memastikan sentiasa berada di landasan yang baik dan betul serta menilai setiap cadangan perniagaan baru bagi memastikan keberkesanan untuk dijayakan bagi mengelak penanggungan kerugian.

BIL	NAMA	2018/2019		
		02/11/2018	22/11/2018	
1.	Haji Ismail bin Muda	√	√	2/2
2.	Puan Jariah binti Hashim	√	√	2/2
3.	Haji Hasan bin Haji Mat	√	√	2/2

JAWATANKUASA HARTANAH / ASET & SELENGGARA

Memantau dan menilai daya maju setiap projek hartanah dan berusaha mengadakan bank tanah untuk kesinambungan projek KSB serta penyelenggaraan kerja-kerja bangunan.

BIL	NAMA	2017/2018	2018/2019	
		12/02/2018	12/11/2018	
1.	Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	√	√	2/2
2.	Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan	√	√	2/2
3.	Dato' Haji Hashim bin Ahmad*	√		1/1
4.	Haji Ismail bin Muda*	√		1/1
5.	Encik Anuar Zaki bin Bakar*	√		1/1
6.	Haji Hassan bin Haji Mat*	√		1/1
7.	Datuk Haji Abu bin Pit**		√	1/1

JAWATANKUASA TENDER

Menentukan pemilihan kontraktor melalui tender terbuka bagi melaksanakan sesuatu kerja (projek) untuk KSB.

BIL	NAMA	2017/2018	2018/2019	
		8/6/2018	17/07/2018	
1.	Datuk Haji Abu bin Pit	√	√	2/2
2.	Haji Ismail bin Muda	√	√	2/2
3.	Haji Hasan bin Haji Mat	√	√	2/2

JAWATANKUASA PENCALONAN

Menilai dan meneliti kelayakan calon-calon anggota Lembaga dalam proses pelantikan atau pelantikan semula anggota Lembaga Koperasi untuk ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagaimana diperuntukkan di bawah subseksyen 43 (2) Akta Koperasi 1993.

BIL	NAMA	2017/2018	
		19/04/2018	
1.	Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	√	1/1
2.	Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	√	1/1
3.	Datuk Haji Abu bin Pit	x	-/1
4.	Haji Hasan bin Haji Mat	√	1/1

JAWATANKUASA SIASATAN

Meneliti, menyiasat dan menilai aduan yang dilaporkan untuk diputuskan tindakan.

BIL	NAMA	2017/2018				
		22/2/2018	01/03/2018	08/03/2018	27/03/2018	
1.	Haji Kamarudin bin Md Noor	√	√	√	√	4/4
2.	Dato' Haji Hashim bin Ahmad	√	√	√	√	4/4
3.	Encik Anuar Zaki bin Bakar	√	√	√	√	4/4

√
x
**

Hadir

Tidak Hadir dengan Maaf

Dilantik bagi sesi 2018/2019

*

Tidak Terlibat

Tidak dilantik semula bagi sesi 2018/2019

PELABURAN

TARIKH PELABURAN	PELABURAN	PELABURAN ASAL (RM)	NILAI PELABURAN PADA 31/12/2018 (RM)	KEUNTUNGAN/DIVIDEN TERKUMPUL SEHINGGA 31/12/2018 (RM)
Subsidiari				
31/12/1982	KSB Hartanah Sdn Bhd	20,002	1	-
31/12/1996	Shamelin Bina Sdn Bhd	1,000,000	1	-
12/01/2011	Gemar Kurnia Sdn Bhd	2	2	-
	Jumlah	1,020,004	4	
Syer				
1984 - 2012	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	296,000	309,226	237,292
16/02/2012	Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad ("KOPSYA")	10,000	11,602	1,602
03/08/2012	Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	20,000	25,685	5,685
30/04/2017	Konsortium Koperasi Hartanah Negara Berhad	5,000	5,000	-
	Jumlah	331,000	351,513	244,579
Lain-lain				
27/07/1994	FAMA Consortium (M) Sdn Bhd (AP Kobis)	15,000	30,000	478,636
	Jumlah	15,000	30,000	478,636
	JUMLAH KESELURUHAN	1,366,004	381,517	723,215

HARTANAH

LOKASI	ANGGARAN NILAI SEMASA (RM)	STATUS / CADANGAN
1. Tanah kosong di Pekan Yan, Kedah	36,000	Tanah kosong untuk dimajukan
2. Shamelin STAR - Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur * 30 Unit lot komersial * 17 Unit servis apartment * 199 tempat letak kereta	26,710,000 11,714,600 7,363,000 <u>45,787,600</u>	Bangunan Shamelin STAR dengan 630 unit Servis Apartment 35 tingkat, 30 Lot Komersial, 1 tingkat bawah tanah tempat letak kereta, 6 tingkat podium tempat letak kereta dan 1 tingkat ruang kemudahan.
3. Tapak perdagangan seluas 1.13 ekar Lot 11806 dan 54700 di Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur	7,300,000	Cadangan pembinaan 318 unit Servis Apartment 28 tingkat, 8 unit kedai 2 tingkat, 6 tingkat podium tempat letak kereta dan 1 tingkat ruang kemudahan. Pembangunan usahasama dengan HKS Development Sdn. Bhd. Keuntungan bakal diterima ialah RM 28.9 juta
4. Dataran Shamelin - 68, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur * Unit 3, 4 dan 5 * Unit 7, 8 dan 9 * 80 tempat letak kereta	9,934,400 9,486,400 1,710,000 <u>21,130,800</u>	Kompleks kedai / pejabat mengandungi 10 unit bangunan kedai / pejabat 4 - 6 tingkat
5. Bangunan Ibu Pejabat SHAMELIN - 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur	14,782,400	Diguna sebagai ibu pejabat Kumpulan SHAMELIN
6. Tanah kosong Lot 2704 Sek. 43, Mukim Bandar Kulim, Kedah	2,103,806	Tanah kosong untuk dimajukan
JUMLAH	91,140,606	

ANGGOTA

KEDUDUKAN ANGGOTA (Berakhir 31 Disember 2018)

1. Carta kedudukan anggota dan jumlah syer (termasuk syer bonus dan akaun simpanan khas) mengikut pecahan kawasan

BIL	NEGERI/KAWASAN/KATEGORI	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH SYER (RM)
1	Perlis	429	551,200.71
2	Kedah A	751	1,143,027.15
3	Kedah B	564	812,319.77
4	Kedah C	282	374,477.59
5	Kedah D	741	1,155,833.55
6	Kedah E	646	1,175,681.93
7	Kedah F	293	321,301.26
8	Kedah G	488	1,204,860.06
9	Kedah H	367	671,009.34
10	Kelantan A	648	1,228,466.33
11	Kelantan B	258	327,197.33
12	Kelantan C	339	574,798.03
13	Terengganu	381	558,549.54
14	Pulau Pinang A	389	902,887.62
15	Pulau Pinang B	520	981,740.01
16	Perak A	765	938,834.42
17	Perak B	526	766,561.55
18	Pahang A	239	387,634.08
19	Pahang B	400	956,125.49
20	Selangor A	270	659,181.01
21	Selangor B	988	3,728,920.44
22	Wilayah Persekutuan	726	3,969,564.08
23	Negeri Sembilan	506	2,144,398.83
24	Melaka	568	802,210.99
25	Johor A	340	408,456.38
26	Johor B	344	1,321,025.94
27	Sabah	5,965	1,182,391.16
28	Sarawak	327	62,766.09
29	Koperasi Anggota	27	1,062,167.04
30	Kategori Anggota Tidak Dapat Dikesan	2,019	3,618,906.28
	JUMLAH	21,106	33,992,494.00

2. Pecahan pegangan syer anggota

JUMLAH PEGANGAN SYER	DAPAT DIKESAN (DK)		TIDAK DAPAT DIKESAN (TDK)		JUMLAH KESELURUHAN	
	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH SYER (RM)	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH SYER (RM)	JUMLAH ANGGOTA (DK+TDK)	JUMLAH SYER (RM)
100.00 > 199.99	9,074	1,754,993.75	-	-	9,074	1,754,993.75
200.00 > 499.99	2,029	983,504.14	254	121,941.30	2,283	1,105,445.44
500.00 > 999.99	2,883	2,748,322.50	656	611,025.70	3,539	3,359,348.20
1,000.00 > 2,999.99	4,107	9,502,394.54	965	1,779,131.29	5,072	11,281,525.83
3,000.00 > 4,999.99	416	2,048,716.40	97	434,258.14	513	2,482,974.54
5,000.00 > 9,999.99	266	2,109,251.03	35	346,374.83	301	2,455,625.86
10,000.00 > 49,999.99	224	4,200,445.03	12	326,175.02	236	4,526,620.05
50,000.00 dan ke atas	88	7,025,960.33	-	-	88	7,025,960.33
JUMLAH	19,087	30,373,587.72	2,019	3,618,906.28	21,106	33,992,494.00

TABUNG PENDIDIKAN

Jadual butiran pemberian manfaat Tabung Pendidikan Koperasi Shamelin Berhad bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018

BIL	KAWASAN	HADIAH CEMERLANG AKADEMIK			SUMBANGAN INSENTIF PELAJARAN			JUMLAH KESELURUHAN		
		PERMOHONAN		MANFAAT HADIAH YANG DIKELUARKAN (RM)	PERMOHONAN		MANFAAT SUMBANGAN YANG DIKELUARKAN (RM)	PERMOHONAN		MANFAAT HADIAH & SUMBANGAN (RM)
		TERIMA	LAYAK		TERIMA	LAYAK		TERIMA	LAYAK	
1	Perlis	2	1	300.00	4	4	1,400.00	6	5	1,700.00
2	Kedah A	4	4	700.00	4	4	1,200.00	8	8	1,900.00
3	Kedah B	3	1	300.00	2	1	300.00	5	2	600.00
4	Kedah C	1	-	-	-	-	-	1	-	-
5	Kedah D	2	2	400.00	4	3	1,300.00	6	5	1,700.00
6	Kedah E	5	4	700.00	2	2	800.00	7	6	1,500.00
7	Kedah F	5	3	500.00	1	-	-	6	3	500.00
8	Kedah G	1	1	300.00	2	2	600.00	3	3	900.00
9	Kedah H	-	-	-	2	-	-	2	-	-
10	Kelantan A	7	4	600.00	8	8	2,600.00	15	12	3,200.00
11	Kelantan B	4	4	800.00	6	5	2,100.00	10	9	2,900.00
12	Kelantan C	4	3	500.00	1	-	-	5	3	500.00
13	Terengganu	1	1	100.00	2	2	800.00	3	3	900.00
14	Pulau Pinang A	-	-	-	-	-	-	-	-	-
15	Pulau Pinang B	-	-	-	4	4	1,800.00	4	4	1,800.00
16	Perak A	2	1	200.00	5	4	1,600.00	7	5	1,800.00
17	Perak B	1	1	300.00	5	4	1,600.00	6	5	1,900.00
18	Pahang A	1	1	200.00	-	-	-	1	1	200.00
19	Pahang B	1	1	100.00	-	-	-	1	1	100.00
20	Selangor A	-	-	-	-	-	-	-	-	-
21	Selangor B	11	9	1,600.00	11	10	2,600.00	22	19	4,200.00
22	Wilayah Persekutuan	1	1	200.00	4	4	1,800.00	5	5	2,000.00
23	Negeri Sembilan	2	1	100.00	2	1	300.00	4	2	400.00
24	Melaka	1	1	100.00	3	3	900.00	4	4	1,000.00
25	Johor A	-	-	-	-	-	-	-	-	-
26	Johor B	-	-	-	1	1	300.00	1	1	300.00
27	Sabah	-	-	-	-	-	-	-	-	-
28	Sarawak	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	Anugerah Pelajar Terbaik 2017	-	-	2,800.00	-	-	-	-	-	2,800.00
	JUMLAH	59	44	10,800.00	73	62	22,000.00	132	106	32,800.00

Maklumat manfaat Tabung Pendidikan Koperasi Shamelin Berhad

KATEGORI HADIAH CEMERLANG AKADEMIK		KATEGORI SUMBANGAN INSENTIF PELAJARAN	
1. Peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 ('PT3')	RM100.00	1. Diploma	RM300.00
2. Sijil Menengah Agama ('SMA')	RM200.00	2. Ijazah Sarjana Muda	RM500.00
3. Sijil Pelajaran Malaysia ('SPM')	RM200.00	3. Sarjana	RM500.00
4. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia ('STPM')	RM300.00		
5. Sijil Tinggi Agama Malaysia ('STAM')	RM300.00		
6. Matrikulasi/Program Asasi	RM300.00		

TABUNG KEBAJIKAN

Jadual butiran pemberian manfaat Tabung Kebajikan Koperasi Shamelin Berhad bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018

BIL	KAWASAN	KETERANGAN MENGIKUT PECAHAN KATEGORI TABUNG KEBAJIKAN					
		PERMOHONAN YANG LAYAK	BENCANA ALAM (RM)	PERMOHONAN YANG LAYAK	PENYAKIT KRONIK (RM)	PERMOHONAN YANG LAYAK	SUMBANGAN AMAL JARIAH (RM)
1	Perlis	-	-	-	-	-	-
2	Kedah A	-	-	-	-	-	-
3	Kedah B	-	-	-	-	-	-
4	Kedah C	-	-	-	-	-	-
5	Kedah D	-	-	-	-	-	-
6	Kedah E	-	-	-	-	-	-
7	Kedah F	-	-	-	-	-	-
8	Kedah G	-	-	-	-	-	-
9	Kedah H	-	-	-	-	-	-
10	Kelantan A	-	-	-	-	-	-
11	Kelantan B	-	-	-	-	-	-
12	Kelantan C	-	-	-	-	-	-
13	Terengganu	-	-	-	-	-	-
14	Pulau Pinang A	1	500.00	-	-	-	-
15	Pulau Pinang B	-	-	-	-	-	-
16	Perak A	-	-	-	-	-	-
17	Perak B	-	-	-	-	-	-
18	Pahang A	-	-	-	-	-	-
19	Pahang B	-	-	-	-	-	-
20	Selangor A	-	-	-	-	-	-
21	Selangor B	1	500.00	-	-	-	-
22	Wilayah Persekutuan	-	-	-	-	-	-
23	Negeri Sembilan	-	-	-	-	-	-
24	Melaka	-	-	-	-	-	-
25	Johor A	-	-	-	-	-	-
26	Johor B	-	-	-	-	-	-
27	Sabah	-	-	-	-	-	-
28	Sarawak	-	-	-	-	-	-
29	Badan Pertubuhan	-	-	-	-	-	-
JUMLAH		2	1,000.00	-	-	-	-

Maklumat manfaat Tabung Kebajikan Koperasi Shamelin Berhad

	KATEGORI PEMBERIAN	JUMLAH SUMBANGAN
1.	Bencana Alam i) Banjir ii) Gempa bumi iii) Kebakaran/Ribut	RM500.00 RM500.00 RM500.00
2.	Penyakit Kronik	RM300.00
3.	Sumbangan Amal Jariah	RM200.00

SKIM KHAIRAT KEMATIAN

Jadual butiran pembayaran Skim Khairat Kematian Koperasi Shamelin Berhad bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018

BIL	KAWASAN	JUMLAH TUNTUTAN (ANGGOTA)		JUMLAH TUNTUTAN (TANGGUNGAN)	
		JUMLAH LAYAK MENERIMA MANFAAT	MANFAAT YANG DIBAYAR (RM)	JUMLAH LAYAK MENERIMA MANFAAT	MANFAAT YANG DIBAYAR (RM)
1	Perlis	3	6,000.00	2	1,000.00
2	Kedah A	4	8,000.00	-	-
3	Kedah B	7	14,000.00	1	500.00
4	Kedah C	8	16,000.00	-	-
5	Kedah D	11	21,500.00	-	-
6	Kedah E	7	14,000.00	5	2,500.00
7	Kedah F	1	2,000.00	-	-
8	Kedah G	7	13,500.00	3	1,500.00
9	Kedah H	2	4,000.00	-	-
10	Kelantan A	5	10,000.00	3	1,500.00
11	Kelantan B	6	12,000.00	-	-
12	Kelantan C	1	2,000.00	-	-
13	Terengganu	6	12,000.00	-	-
14	Pulau Pinang A	5	10,000.00	-	-
15	Pulau Pinang B	6	12,000.00	-	-
16	Perak A	4	8,000.00	-	-
17	Perak B	4	8,000.00	1	500.00
18	Pahang A	3	6,000.00	1	500.00
19	Pahang B	8	16,000.00	2	1,000.00
20	Selangor A	-	-	-	-
21	Selangor B	3	6,000.00	1	500.00
22	Wilayah Persekutuan	5	10,000.00	1	500.00
23	Negeri Sembilan	2	4,000.00	1	500.00
24	Melaka	5	10,000.00	1	500.00
25	Johor A	-	-	-	-
26	Johor B	3	6,000.00	-	-
27	Sabah	1	1,500.00	-	-
28	Sarawak	-	-	-	-
JUMLAH		117	232,500.00	22	11,000.00


Makluman manfaat khairat di bawah Skim Khairat Kematian Koperasi Shamelin Berhad

MENGIKUT JUMLAH PEGANGAN SYER	JUMLAH SUMBANGAN SETAHUN (RM)	BAYARAN MANFAAT KEMATIAN TANGGUNGAN (RM)	BAYARAN MANFAAT KEMATIAN ANGGOTA (RM)
Kategori 1 : Anggota syer kurang dari RM200.00	10.00	-	1,500.00
Kategori 2 : Anggota syer RM200.00 dan keatas	20.00	500.00	2,000.00


KURSUS DAN SEMINAR

NAMA	KURSUS/SEMINAR	TARIKH	LOKASI	ANJURAN
ANGGOTA LEMBAGA				
Encik Anuar Zaki bin Bakar	- Pengurusan Strategik Koperasi (Wajib 3) - Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	20/2/2018 - 21/2/2018 22/3/2018 - 23/3/2018	Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang Hotel Premier, Sibu, Sarawak	Maktab Koperasi Malaysia
Puan Jariah binti Hashim	Bengkel Pelan Strategik Perniagaan Koperasi	15/10/2018 - 17/10/2018	Hotel Langkasuka, Pulau Langkawi	
Haji Ismail bin Muda	- Pengurusan & Pentadbiran Koperasi (Wajib 1) - Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2) - Bengkel Pelan Strategik Perniagaan Koperasi	13/3/2018 - 14/3/2018 19/3/2018 - 20/3/2018 15/10/2018 - 17/10/2018	Tower Regency Hotel & Apartment Ipoh, Perak Maktab Koperasi Malaysia, Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor Hotel Langkasuka, Pulau Langkawi	
Haji Hasan bin Mat	Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	21/3/2018 - 22/3/2018	Maktab Koperasi Malaysia, Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar, Kedah	
ANGGOTA				
Haji Abdul Harith bin Mad Jauhar Hajah Aishah binti Ahmad Nadzri	Persediaan Koperasi Dalam Bisnes Pelancongan	18/9/2018 - 20/9/2018	Maktab Koperasi Malaysia, Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor	Maktab Koperasi Malaysia
KAKITANGAN				
Puan Norhaniza binti Abd Rani	Taklimat Pemahaman Akta Wang Tak Dituntut 1965	22/3/2018	Menara Maybank, Kuala Lumpur	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Puan Fatimah binti A. Samad	- Bengkel Pemuatan Syariah Melalui Fintech dalam Gerakan Koperasi 2018 - Taklimat Pemahaman Akta Wang Tak Dituntut 1965	12/2/2018 22/3/2018	Ancasa Hotel & Spa, Kuala Lumpur Menara Maybank, Kuala Lumpur	ANGKASA Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Encik Fakhruddin Afiq bin Mohd Shah	- Bengkel Pemuatan Syariah Melalui Fintech dalam Gerakan Koperasi 2018 - Seminar Padanan Perniagaan dan Pameran Koperasi Wilayah Persekutuan	12/2/2018 27/11/2018	Ancasa Hotel & Spa, Kuala Lumpur De Palma Hotel, Kuala Lumpur	ANGKASA
Cik Nurul Nabillah binti Mazlan	Seminar Padanan Perniagaan dan Pameran Koperasi Wilayah Persekutuan	27/11/2018	De Palma Hotel, Kuala Lumpur	Suruhanjaya Koperasi Malaysia

CARTA ORGANISASI



KSB SELENGGARA SDN BHD



JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN



Berdiri dari kanan:

Haji Abdul Rahim bin Haji Abd Razak, Haji Mohd Salleh bin Hamid dan Haji Abdul Rahim bin Abdul

Duduk dari kanan:

Datuk Haji Idris bin Haji Muhamood (Pengerusi) dan Encik Hasri bin Abdul Karim (Setiausaha)

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2018

Bil	Nama	2017/2018	2018/2019		
		07/03/2018	05/10/2018	14/11/2018	
1	Haji Ahmad Monir bin Baharin	√			1/1
2	Encik Hasri bin Abdul Karim*	√	√	√	3/3
3	Haji Abdul Rahim bin Abd Razak*	√	√	√	3/3
4	Haji Abdul Rahim bin Abdul*	√	√	√	3/3
5	Encik Shalihuddin bin Abas	x			-/1
6	Datuk Haji Idris bin Haji Muhamood**		√	√	2/2
7	Haji Mohd Salleh bin Hamid**		√	√	2/2

√	Hadir
x	Tidak Hadir dengan Maaf
	Tidak Terlibat

*	Dilantik semula bagi sesi 2018/2019
**	Dilantik bagi sesi 2018/2019

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2018

1. TUJUAN

Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman ("JKAD") ini disediakan untuk mematuhi Subseksyen 42A(2) Akta Koperasi 1993 dan Undang-undang Kecil 54(1) untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke-35.

2. JAWATANKUASA

Jawatankuasa Audit Dalaman bagi sesi 2018/2019 adalah seperti berikut :

- | | | | |
|------|-------------------------------------|---|---------------------|
| i) | Datuk Haji Idris bin Haji Muhamood | - | (Pengerusi) |
| ii) | Encik Hasri bin Abdul Karim | - | (Setiausaha) |
| iii) | Haji Abdul Rahim bin Haji Abd Razak | - | (Ahli Jawatankuasa) |
| iv) | Haji Abdul Rahim bin Abdul | - | (Ahli Jawatankuasa) |
| v) | Haji Mohd Salleh bin Hamid | - | (Ahli Jawatankuasa) |

3. SKOP AUDIT

Laporan dibuat adalah berasaskan hasil pengauditan terhadap hal ehwal kewangan, pentadbiran dan aktiviti-aktiviti Koperasi yang dijalankan sepanjang tahun 2018.

4. HASIL PENEMUAN AUDIT

4.1 Pegangan Modal Syer Minimum

JKAD mendapati seramai 11,103 anggota masih mempunyai syer kurang dari RM500.00. Selaras dengan pindaan Undang-undang Kecil ke atas pegangan syer minimum sebanyak RM500.00 yang telah diluluskan di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-32 pada tahun 2016 lalu, maka JKAD mencadangkan lebih dividen setelah ditolak sumbangan untuk khairat kematian dikreditkan ke dalam syer anggota di bawah RM500.00 dan tidak ke akaun simpanan khas yang mana akhirnya semua anggota Koperasi Shamelin Berhad ("KSB") akan mempunyai syer minimum RM500.00.

4.2 Projek Usahasama Pembinaan 78 Unit Rumah Teres Setingkat di Klang, Selangor

Projek usahasama pembinaan 78 unit rumah teres dengan Khatammi Development Sdn Bhd masih dalam pembinaan sehingga kini dengan kemajuan sebanyak 90% dan telah melebihi tarikh siap yang sepatutnya pada Februari 2018. Bagi mengatasi masalah ini KSB telah mengambilalih dan mengawalselia pembangunan ini sehingga siap.

4.3 Tabung Pendidikan

Keperluan mewujudkan sumbangan kepada mana-mana anggota atau anak-anak anggota yang berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran sebagai insentif baru di bawah Tabung Pendidikan ini.

4.4 Tabung Kebajikan

Keperluan diperluaskan sumbangan kepada anggota-anggota yang uzur dan terlantar, berkerusi roda dan hidup yang terdesak serta kewangan yang meruncing di bawah Tabung Kebajikan ini.

4.5 Keanggotaan Baru

Anggota-anggota KSB adalah digalak untuk menjadikan anak-anak mereka sebagai anggota bagi memastikan KSB mempunyai pelapis untuk terus aktif dan maju pada masa-masa hadapan selaras dengan slogan "Keluargaku Anggota KSB".

5. PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit Penyata Kewangan Koperasi Shamelin Berhad yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.


Koperasi Shamelin Berhad telah memperoleh keuntungan bersih sebanyak RM7,494,279.00 bagi tahun kewangan 2018.

Pada pendapat kami, Penyata Kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian yang memberikan gambaran sebenar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi Shamelin Berhad.

6. PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Kami, Jawatankuasa Audit Dalamam merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi serta Anggota Lembaga dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalamam Koperasi Shamelin Berhad seperti yang diamanahkan.

Kami yang menjalankan tugas



(DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI MUHAMOOD)
Pengerusi




(HASRI BIN ABDUL KARIM)
Setiausaha



(HAJI ABDUL RAHIM BIN HAJI ABD RAZAK)
Anggota



(HAJI ABDUL RAHIM BIN ABDUL)
Anggota



(HAJI MOHD SALLEH BIN HAMID)
Anggota

KOPERASI SHAMELIN BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA KOPERASI

Haji Md Akib bin Hashim (*Pengerusi*)
Haji Kamarudin bin Md.Noor (*Setiausaha*)
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (*Bendahari*)
Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan
Datuk Haji Abu bin Pit
Hajah Zainab binti Haji Abu
Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan
Dato' Haji Hashim bin Ahmad
Haji Ismail bin Muda
Puan Jariah binti Hashim
Encik Anuar Zaki bin Bakar
Haji Hasan bin Haji Mat

PEJABAT PENTADBIRAN DAN SURAT - MENYURAT

38-6-4, Bangunan SHAMELIN
Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

JURUAUDIT

A. Razak & Co (AF 0842)
Chartered Accountants
51-D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10
Pandan Jaya
55100 Kuala Lumpur

BANK

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
Public Islamic Bank Berhad
CIMB Islamic Bank Berhad
RHB Islamic Bank Berhad
Al Rajhi Bank Berhad

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Kepada:

Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota- anggota Koperasi Shamelin Berhad

Laporan Terhadap Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Shamelin Berhad, yang merangkumi Penyata kedudukan Kewangan pada 31 DISEMBER 2018, Penyata Pembahagian Keuntungan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan yang penting seperti yang dibentangkan pada muka surat 56 hingga 86 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 DISEMBER 2018 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Asas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan dibawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

Kami merupakan juruaudit yang bebas daripada Koperasi selaras dengan By-Laws (*Professional Ethics, Conduct and Practice*), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan *International Ethics Standards Board for Accountants' Code of Ethics for Professional Accountants* ("Kod IESBA") dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan Kod IESBA.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para anggota-anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab ke atas maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit mengenainya. Maklumat lain termasuk Penyata oleh anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit mengenainya.

Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Koperasi dan ini tidak termasuk Penyata oleh anggota Lembaga Koperasi dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Koperasi, menjadi tanggungjawab kami untuk membaca Penyata oleh anggota Lembaga Koperasi dan mempertimbangkannya samada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi, maka kami dikehendaki melaporkannya.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi terhadap Penyata Kewangan

Para anggota-anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Para anggota-anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para anggota-anggota lembaga Koperasi bertanggungjawab menilai kemampuan Koperasi untuk terus beroperasi sebagai entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan para anggota-anggota Lembaga Koperasi berniat untuk membubarkan Koperasi atau menghentikan operasi.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, samada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan keraguan profesional. Kami juga :-

- Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Koperasi, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Koperasi.
Kos kewangan	(Lampiran I) 2,280	3,040
	263,405	386,107
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	165,746	25,603

Lampiran I

**PENYATA TERPERINCI PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)**

	2018 RM	2017 RM
PERBELANJAAN OPERASI		
Alatulis dan percetakan	4,514	2,577
Caj perkhidmatan bank	255	260
Ganjaran pengarah	3,000	6,000
Hutang lapuk	-	94,917
Lesen premis pejabat	200	-
Penyelenggaraan alat pejabat	667	-
Penyelenggaraan pejabat	-	33,835
Penyelenggaraan tempat letak kereta	906	818
Penyewaan tempat letak kereta	97,560	97,560
Perbelanjaan perjalanan	210	64
Perkhidmatan kawalan keselamatan tempat letak kereta	20,628	20,759
Pos dan perkhidmatan cepat	1,962	2,650
Susutnilai loji dan peralatan	6,273	5,550
Yuran juruaudit	1,000	1,000
Yuran guaman	-	13,287
Yuran kontrak selenggara komputer	1,050	1,050
Yuran setiausaha	12,000	12,000
Yuran pengurusan kepada perbadanan induk utama	107,100	89,040
Yuran perunding cukai	3,800	1,700
	261,125	383,067
KOS KEWANGAN		
Faedah sewabeli	2,280	3,040

SHAMELIN BUILDING MATERIALS SDN. BHD. (361477 U)
(Ditubuhkan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Datuk Haji Abu bin Pit
Haji Kamarudin bin Md Noor

SETIAUSAHA SYARIKAT

Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)

ALAMAT BERDAFTAR DAN PERNIAGAAN

38-6-5 Shamelin Business Centre
NO. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

JURUAUDIT BEBAS

A. Razak & Co. (AF 0842)
Chartered Accountants
51-D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10
Pandan Jaya
51000 Kuala Lumpur

BANK

RHB Islamic Bank Berhad

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan serta penyata-penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2018.

AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai pembekal bahan-bahan dan kelengkapan-kelengkapan binaan. Syarikat telah menghentikan operasi perniagaan semenjak tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Kerugian komprehensif tahun semasa	<u>(1,430)</u>

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada pindahan penting kepada atau dari rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan yang ditinjau.

DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat dalam tahun berakhir 31 Disember 2018.

LEMBAGA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat untuk Syarikat sejak tarikh laporan kewangan yang lepas :-

Datuk Haji Abu bin Pit
Haji Kamarudin bin Md Noor

GANJARAN PENGARAH

Tiada Pengarah atau pengarah terdahulu Syarikat menerima apa-apa saraan atau apa-apa faedah daripada Syarikat sepanjang tahun kewangan.

Tiada pembayaran yang telah dibuat atau akan dibuat kepada pihak ketiga berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pengarah atau bekas pengarah kepada Syarikat sepanjang tahun kewangan.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan yang sebelumnya, tiada pengarah telah menerima atau layak untuk menerima faedah (selain daripada faedah yang dilaporkan di dalam Penyata Kewangan) berikutan daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma yang pengarah merupakan seorang ahli, atau dengan syarikat yang pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Di sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang urusan melibatkan Syarikat, yang bertujuan atau mempunyai tujuan untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat faedah secara memperoleh saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Tiada seorang pun daripada para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai kepentingan dalam bentuk saham biasa Syarikat.

PERBADANAN INDUK UTAMA

Perbadanan induk utama ialah Koperasi Shamelin Berhad sebuah Koperasi yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993.

TERBITAN MODAL SAHAM DAN DEBENTUR

Tiada sebarang saham atau debentur diterbitkan di sepanjang tahun kewangan.

PEMBERIAN OPSYEN KE ATAS SAHAM YANG BELUM DITERBITKAN

Sepanjang tahun ini, tiada opsyen telah diberikan kepada sesiapa untuk membeli saham Syarikat yang belum diterbitkan.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sebelum Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah sewajarnya :

- (i) Bagi memastikan tindakan sewajarnya telah diambil untuk menghapus hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan secukupnya telah dibuat untuk hutang ragu; dan
- (ii) Bagi memastikan aset semasa yang tidak mungkin mencapai nilai seperti ditunjukkan di dalam rekod perakaunan urusanniaga biasa, telah diturunkan nilainya ke paras dijangka dapat dihasilkan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui wujudnya sebarang keadaan yang mungkin menyebabkan :-

- (i) Jumlah hutang lapuk yang dihapus atau jumlah peruntukan hutang ragu tidak mencukupi;
- (ii) Nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan;
- (iii) yang telah timbul yang menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada atau Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- (iv) tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak ada :-

- (i) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan dan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; atau
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka berhubung dengan Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan.

Pada pandangan para pengarah, tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan kemampuan Syarikat untuk melaksanakan tanggungjawab apabila tiba masanya.

Pada pendapat para pengarah, tiada perkara, transaksi, atau peristiwa luar biasa yang berlaku di antara tempoh akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang berkemungkinan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2018.

TANGGUNGAN KERUGIAN OLEH PENGARAH, PEGAWAI ATAU JURUAUDIT

Tiada ganti rugi yang diberikan atau premium insurans yang dibayar, semasa atau sejak akhir tahun kewangan, untuk mana-mana orang yang telah atau pernah menjadi pengarah, pegawai atau juruaudit Syarikat.

GANJARAN JURUAUDIT

Jumlah yang dibayar kepada atau boleh diterima oleh juruaudit sebagai imbuhan untuk perkhidmatan mereka sebagai juruaudit dinyatakan dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.

JURUAUDIT BEBAS

Juruaudit bebas, Tetuan A. Razak & Co., telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani menerusi resolusi Lembaga Pengarah,



DATUK HAJI ABU BIN PIT
Pengarah



HAJI KAMARUDIN BIN MD NOOR
Pengarah

Kuala Lumpur.
Tarikh: 16 April 2019


PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH
Menurut Peruntukan Seksyen 251(2) Akta Syarikat , 2016

Pada pendapat para Pengarah, penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 142 hingga 149 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Syarikat pada 31 DISEMBER 2018 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut sejajar dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (Malaysian Private Entity Reporting Standards) serta peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Ditandatangani menerusi resolusi Lembaga Pengarah,



DATUK HAJI ABU BIN PIT
Pengarah



HAJI KAMARUDIN BIN MD NOOR
Pengarah

Kuala Lumpur.
Tarikh: 16 April 2019

AKUAN BERKANUN
Menurut Peruntukan Seksyen 251(1)(b) Akta Syarikat, 2016

Saya, DATUK HAJI ABU BIN PIT, pengarah yang terutama bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan SHAMELIN BUILDING MATERIALS SDN. BHD. dengan ikhlasnya mengaku bahawa penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 142 hingga 149, pada pendapat saya, benar dan saya membuat akuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh DATUK HAJI ABU BIN PIT, No. K/P 410721-04-5025 di Kuala Lumpur di negeri Wilayah Persekutuan pada 16 April 2019.



DATUK HAJI ABU BIN PIT
Pengarah

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur



16 - Tingkat Bawah Jalan Pudu,
55100 Kuala Lumpur.



51-2D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10,
Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-92829032 (Hunting Line)
92819844, 92812044, 92859768
Fax : 03-92853870, 92853871
E-mail : arazaknco@gmail.com
Website : www.arazaknco.com.my

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI SHAMELIN BUILDING MATERIALS SDN. BHD. (361477 U) (Ditubuhkan di Malaysia)

Laporan Terhadap Audit ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan SHAMELIN BUILDING MATERIALS SDN. BHD. yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat pada 31 DISEMBER 2018, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 142 hingga 149.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 DISEMBER 2018 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Asas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan dibawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami merupakan juruaudit bebas Syarikat ini selaras dengan By-Laws (Professional Ethics, Conduct and Practice), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan International Ethics Standards Board for Accountants' Code of Ethics for Professional Accountants ("IESB Code") dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan kod IESBA.

Ketidakpastian Ketara Berkaitan dengan Usaha Berterusan

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2(b) di dalam penyata kewangan yang menunjukkan syarikat rugi bersih sebanyak RM 1,430 yang tahun berakhir pada 31 Disember 2018, liabiliti semasa syarikat melebihi aset semasa sebanyak RM304,484 dan defisit para pemegang saham berjumlah RM304,484. Seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(b), peristiwa-peristiwa atau keadaan, bersama-sama dengan perkara-perkara lain seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(b), menunjukkan bahawa sesuatu ketidakpastian ketara yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan syarikat untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Pendapat kami tidak diubahsuai berkenaan dengan perkara ini.

Laporan-laporan Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas laporan lain. Laporan-laporan lain termasuk Laporan Pengarah-pengarah tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit mengenainya.

Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Syarikat dan ini tidak termasuk Laporan Pengarah-pengarah dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Syarikat, menjadi tanggungjawab kami membaca Laporan Pengarah-pengarah dan mempertimbangkannya samada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Laporan Pengarah-pengarah, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan mengenainya.

Tanggungjawab Para Pengarah ke atas Audit Penyata Kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia. Para pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah bertanggungjawab menilai kemampuan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan para Pengarah berniat untuk membubarkan Syarikat atau menghentikan operasi.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, samada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walau bagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan memelihara kewangan secara profesional. Kami juga :-

- Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Syarikat, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Syarikat.

- Memahami kawalan dalaman yang relevan bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh para Pengarah.
- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh para Pengarah untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Syarikat meneruskan perniagaannya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Syarikat dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Syarikat menghentikan operasi perniagaannya.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan ke atasnya, samada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.

Kami juga berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.

Perkara-perkara Lain

Laporan ini hanya disediakan untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 266 Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

A. RAZAK & CO.
AF: 0842
Akauntan-akauntan Bertauliah

ABD RAZAK BIN HJ. NAZAHDIN
No. 1522/03/18(J/PH)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
Tarikh: 16 April 2019

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018**

	NOTA	2018 RM	2017 RM
ASET			
Aset			
Terhutang oleh badan induk utama	5	6,552	8,132
JUMLAH ASET		6,552	8,132
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang ekuiti syarikat			
Modal saham	6	150,000	150,000
Kerugian terkumpul		(454,484)	(453,054)
Defisit pemegang saham		(304,484)	(303,054)
Liabiliti Semasa			
Pelbagai pemiutang	7	500	650
Terhutang kepada syarikat berkaitan	8	310,536	310,536
		311,036	311,186
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		6,552	8,132

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	NOTA	2018 RM	2017 RM
Hasil kendalian		-	-
Perbelanjaan operasi		(1,430)	(1,431)
Kerugian sebelum cukai	9	(1,430)	(1,431)
Cukai	10	-	-
Kerugian komprehensif untuk tahun semasa		(1,430)	(1,431)

**PENYATA PERUBAHAN PADA EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	Modal Saham RM	Kerugian Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2017	150,000	(451,623)	(301,623)
Kerugian komprehensif untuk tahun semasa	-	(1,431)	(1,431)
Baki pada 31 Disember 2017	150,000	(453,054)	(303,054)
Kerugian komprehensif untuk tahun ini	-	(1,430)	(1,430)
Baki pada 31 Disember 2018	150,000	(454,484)	(304,484)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	2018 RM	2017 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Kerugian sebelum cukai	(1,430)	(1,431)
Pengurangan dalam pemiutang	(150)	-
Pembayaran balik dari badan induk	1,580	1,431
Aliran tunai bersih (digunakan untuk)/dihasilkan dari aktiviti operasi	-	-
KENAIKAN BERSIH DI DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI	-	-
TUNAI DAN SETARA TUNAI DI AWAL TAHUN	-	-
TUNAI DAN SETARA TUNAI DI AKHIR TAHUN	-	-

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2018

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia.

Alamat berdaftar syarikat ialah di 38-6-5, Shamelin Business Centre, No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai pembekal bahan-bahan dan kelengkapan-kelengkapan binaan.

Syarikat telah menghentikan operasi perniagaan semenjak tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

Perbadanan induk utama ialah Koperasi Shamelin Berhad sebuah Koperasi yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993.

Penyata kewangan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk diisu oleh Lembaga Pengarah sejajar dengan Resolusi Pengarah pada 16 April 2019.

2. ASAS PENYEDIAAN

(a) Penyatuan Pematuhan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") dan peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

(b) Asas Perakaunan

Penyata-penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Penyata-penyata kewangan Syarikat telah disediakan berdasarkan konsep andaian usaha berterusan dan kebolehan Syarikat untuk meneruskan operasinya adalah tertakluk kepada sokongan kewangan berterusan daripada syarikat induk dan koperasi induk utama.

(c) Penggunaan Andaian dan Penilaian

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian akan dipinda secara berterusan. Pindaan ke atas anggaran perakaunan diambil kira dalam tempoh di mana anggaran tersebut dipinda dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang terlibat.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

(a) Instrument Kewangan

Pengiktirafan awal dan pengukuran

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada mulanya pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali dalam pengukuran awal aset kewangan atau liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) melainkan susunan itu merupakan, sebagai akibatnya, suatu transaksi pembiayaan. Jika perjanjian itu merupakan transaksi pembiayaan, aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai semasa pembayaran masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrumen hutang yang sama.

Pengukuran seterusnya

Instrumen hutang yang memenuhi syarat berikut diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan: -

- (a) kembali kepada pemegang boleh ditentukan, cth. jumlah tetap dan / atau kadar penanda aras pulangan yang berubah berbanding kadar faedah yang dipetik atau diperhatikan;
- (b) tiada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan amaun pokok atau apa-apa faedah yang boleh diagihkan kepada tempoh semasa atau sebelum ini; dan
- (c) pilihan prabayar, jika ada, tidak bergantung kepada peristiwa masa hadapan.

Instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah yang tidak didiskaun tunai atau pertimbangan lain yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan pengaturan itu merupakan, pada dasarnya, suatu transaksi pembiayaan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tidak dipotong dan pelaburan dalam saham keutamaan tidak boleh ditukar dan tidak dipotong adalah diukur pada kos tolak rosot nilai, melainkan jika saham itu didagangkan secara awam atau nilai saksamanya boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan lain yang tidak diukur pada kos atau kos pelunasan ditolak rosot nilai diukur pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang kemungkinan penurunan nilai. Kerugian penurunan nilai diukur seperti berikut: -

- Bagi instrumen yang diukur pada kos yang dilunaskan, kerugian kemerosotan nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset.
- Bagi instrumen yang diukur pada kos ditolak rosot nilai, kerugian penurunan nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan anggaran terbaik amaun yang akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh laporan.

Pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk aliran tunai dari aset kewangan tamat tempoh atau diselesaikan, atau kawalan aset tidak dikekalkan atau sebahagian besarnya semua risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan dipindahkan ke pihak lain. Apabila penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan yang diiktiraf dan balasan yang diterima, termasuk apa-apa hak dan obligasi yang baru dicipta, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diiktiraf apabila, dan hanya apabila, kewajipan yang dinyatakan dalam kontrak ditakdirkan, dibatalkan atau tamat tempoh. Apabila tidak mengiktiraf liabiliti kewangan, perbezaan antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan balasan yang dibayar, termasuk sebarang aset tidak dipindahkan atau liabiliti yang diandaikan, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(b) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai termasuk tunai di tangan dan di bank, deposit panggilan dan pelaburan jangka pendek yang sangat cair yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara, selepas overdraf bank tertunggak.

(c) Cukai Pendapatan

(i) Cukai Pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka pulih dari atau dibayar kepada pihak berkuasa percukaian. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah tersebut adalah yang digubal atau digubal secara substansial oleh tarikh pelaporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali apabila cukai berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

(ii) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan mereka menjalankan tujuan pelaporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh dikenakan cukai, kecuali: -

- di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan permulaan muhibah atau aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan gabungan perniagaan dan, pada masa urusniaga, tidak memberi kesan keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan
- berkenaan dengan perbezaan sementara yang boleh dikenakan cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, di mana masa pembalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan kemungkinan perbezaan sementara tidak akan berbalik pada masa depan yang dijangka.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, mengemukakan kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan, setakat yang kemungkinan keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap perbezaan sementara yang boleh ditolak dan pengaliran cukai yang belum digunakan kerugian boleh digunakan kecuali:

- di mana aset cukai tertunda berkaitan dengan perbezaan sementara boleh ditolak timbul dari pengiktirafan permulaan sesuatu aset atau liabiliti dalam urusan niaga yang bukan gabungan perniagaan dan, pada masa urus niaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan
- berkenaan dengan perbezaan sementara yang boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usahasama, aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat bahawa kemungkinan perbezaan sementara akan berbalik pada masa hadapan dan keuntungan boleh dicukai yang boleh didapati perbezaan sementara boleh digunakan.

Jumlah dibawa bagi aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan setakat yang tidak lagi mungkin bahawa keuntungan boleh dicukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan. Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf setakat mana kemungkinan keuntungan boleh dicukai masa depan akan membolehkan aset cukai tertunda digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai pada tahun apabila aset direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan undang-undang cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai tertunda yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian diiktiraf di luar untung atau rugi. Item cukai tertunda diiktiraf dalam hubungan dengan urus niaga yang mendasari sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada gabungan perniagaan diselaraskan terhadap muhibah atas pemerolehan.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diimbangi, jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengasingkan aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkaitan dengan entiti kena cukai yang sama dan pihak berkuasa percukaian yang sama.

(d) Modal Saham dan Perbelanjaan Terbitan Saham

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang membuktikan kepentingan nilai sisa dalam aset Syarikat selepas ditolak semua tanggungannya. Saham biasa adalah instrumen ekuiti.

Saham biasa dicatatkan pada hasil yang diterima, tanpa kos urusan niaga kenaikan harga secara langsung. Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen saham biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh di mana ia diisytiharkan.

4. PENILAIAN DAN ANGGARAN KETIDAKPASTIAN

(a) Penilaian

Penilaian yang dibuat oleh pihak pengurusan dalam proses penggunaan dasar-dasar perakaunan dan yang mempunyai kesan yang paling ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

(b) Sumber Utama Anggaran Ketidapastian

Andaian utama mengenai masa depan, dan lain-lain sumber utama bagi anggaran ketidakpastian pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara menyebabkan penyesuaian material kepada nilai aset yang susutnilai bagi loji dan peralatan dibawa dan liabiliti dalam tempoh kewangan yang akan datang: -

Rosotnilai aset bukan kewangan

Syarikat menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk untuk rosotnilai bagi semua aset bukan kewangan pada setiap tarikh laporan. Apabila petunjuk tersebut wujud, jumlah yang boleh diperolehi semula daripada unit yang menjana tunai adalah ditentukan berdasarkan pengiraan nilai dalam penggunaan. pengiraan ini memerlukan anggaran aliran tunai masa depan daripada unit penjanaan tunai dan kadar diskaun yang sesuai digunakan untuk mengira nilai kini aliran tunai tersebut.

Rosotnilai aset kewangan

Syarikat mengiktiraf kerugian rosotnilai bagi aset kewangan kemudiannya diukur pada kos atau kos pelunasan menggunakan model kerugian ditanggung. Aset kewangan yang signifikan diuji secara individu untuk rosotnilai secara berasingan dengan menganggarkan aliran tunai dijangka boleh diperolehi semula. Kesemua yang lain dikumpulkan ke dalam kelas risiko kredit dan diuji untuk rosotnilai secara kolektif, dengan menggunakan statistik kerugian syarikat yang lepas, pengumuman jumlah tertunggak dan trend ekonomi semasa. Kerugian akhir yang sebenar mungkin berbeza daripada peruntukan yang dibuat dan ini boleh menjejaskan kedudukan kewangan dan keputusan syarikat.

5. TERHUTANG OLEH BADAN INDUK UTAMA

Terhutang oleh perbadanan induk utama, Koperasi Shamelin Berhad merupakan baki yang wujud dalam urusan biasa perniagaan. Hutang ini tidak melibatkan sebarang faedah dan skim pembayaran semula tidak ditetapkan.

6. MODAL SAHAM

	2018 RM	2017 RM
DITERBITKAN DAN DIBAYAR SEPENUHNYA 150,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu	150,000	150,000

7. PELBAGAI PEMIUTANG

	2018 RM	2017 RM
Akruan	500	650

8. TERHUTANG KEPADA SYARIKAT BERKAITAN

Terhutang kepada syarikat berkaitan merupakan baki yang wujud dalam urusan biasa perniagaan. Hutang ini tidak melibatkan sebarang faedah dan skim pembayaran semula tidak ditetapkan.

9. KERUGIAN SEBELUM CUKAI

Perkara-perkara berikut telah dicaj bagi mendapatkan kerugian sebelum cukai :-

	2018 RM	2017 RM
Yuran juruaudit	500	500

10. CUKAI

	2018 RM	2017 RM
Cukai tahun semasa	-	-
Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dan cukai atas kerugian daripada aktiviti biasa sebelum cukai adalah seperti berikut :		
	2018 RM	2017 RM
Kerugian sebelum cukai	(1,430)	(1,431)
Cukai dikira mengikut kadar cukai Malaysia 18% (2017 : 18%)	(257)	(258)
Perbelanjaan tidak dibenarkan bagi tujuan cukai	257	258
	-	-

11. INSTRUMEN KEWANGAN

	2018 RM	2017 RM
Liabiliti kewangan		
Liabiliti kewangan pada kos dilunaskan		
Pelbagai pemiutang	500	500
Terhutang kepada syarikat berkaitan	310,536	310,536

Jumlah di bawa bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan, seperti penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang dan pemiutang perdagangan dan lain-lain, adalah anggaran munasabah nilai saksama, sama ada disebabkan sifat jangka pendek mereka atau bahawa mereka adalah instrumen kadar terapung yang dijual semula kepada kadar faedah pasaran pada atau hampir akhir tempoh pelaporan.

Difaillkan oleh:
Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)
38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

PENYATA TERPERINCI PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN	-	-
TOLAK : PERBELANJAAN OPERASI		
Yuran juruaudit	500	500
Percetakan dan alatulis	300	331
Yurang perundingan cukai	600	600
	(1,430)	1,431
KERUGIAN SEBELUM CUKAI	(1,430)	(1,431)

KIMALI CONSTRUCTION SDN. BHD. (85639 U)
(Ditubuhkan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim
Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan

SETIAUSAHA SYARIKAT

Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)

ALAMAT BERDAFTAR DAN PERNIAGAAN

38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

JURUAUDIT BEBAS

A. Razak & Co. (AF 0842)
Chartered Accountants
51-D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10
Pandan Jaya
55100 Kuala Lumpur

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan serta penyata-penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2018.

AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai kontraktor untuk projek pembinaan.

Syarikat telah memberhentikan operasinya semenjak tahun kewangan berakhir 31 Disember 1988.

KEPUTUSAN KEWANGAN

RM

Kerugian komprehensif tahun semasa (1,580)

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada pindahan penting kepada atau dari rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan yang ditinjau.

DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat dalam tahun berakhir 31 Disember 2018.

LEMBAGA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat untuk Syarikat sejak tarikh laporan kewangan yang lepas dan tarikh laporan kewangan semasa :-

Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim
Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan

GANJARAN PENGARAH

Tiada Pengarah atau pengarah terdahulu Syarikat menerima apa-apa saraan atau apa-apa faedah daripada Syarikat sepanjang tahun kewangan.

Tiada pembayaran yang telah dibuat atau akan dibuat kepada pihak ketiga berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pengarah atau bekas pengarah kepada Syarikat sepanjang tahun kewangan.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan yang sebelumnya, tiada pengarah telah menerima atau layak untuk menerima faedah (selain daripada faedah yang dilaporkan di dalam Penyata Kewangan) berikutan daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma yang pengarah merupakan seorang ahli, atau dengan syarikat yang pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Di sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang urusan melibatkan Syarikat, yang bertujuan atau mempunyai tujuan untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat faedah secara memperolehi saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Tiada seorang pun daripada para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai kepentingan dalam bentuk saham biasa Syarikat.

SYARIKAT INDUK

Syarikat induk ialah Gemar Kurnia Sdn Bhd sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia.

PERBADANAN INDUK UTAMA

Perbadanan induk utama ialah Koperasi Shamelin Berhad sebuah Koperasi yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993.

TERBITAN MODAL SAHAM DAN DEBENTUR

Tiada sebarang saham atau debentur diterbitkan di sepanjang tahun kewangan.

PEMBERIAN OPSYEN KE ATAS SAHAM YANG BELUM DITERBITKAN

Sepanjang tahun ini, tiada opsyen telah diberikan kepada sesiapa untuk membeli saham Syarikat yang belum diterbitkan.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sebelum Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah sewajarnya :

- (i) bagi memastikan tindakan sewajarnya telah diambil untuk menghapus hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan secukupnya telah dibuat untuk hutang ragu ; dan
- (ii) bagi memastikan aset semasa yang tidak mungkin mencapai nilai seperti ditunjukkan di dalam rekod perakaunan urusanniaga biasa, telah diturunkan nilainya ke paras dijangka dapat dihasilkan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui wujudnya sebarang keadaan yang mungkin menyebabkan :-

- (i) Jumlah hutang lapuk yang dihapus atau jumlah peruntukan hutang ragu tidak mencukupi;
- (ii) Nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan;
- (iii) Perubahan dalam kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Syarikat yang mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan mengelirukan atau tidak munasabah; atau
- (iv) Ianya tidak diambilkira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan mengelirukan atau tidak munasabah.

Pada tarikh laporan ini, tidak ada: -

- (i) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan dan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain atau

- (ii) sebarang liabiliti luar jangka berhubung dengan Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan.

Pada pandangan para pengarah, tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan kemampuan Syarikat untuk melaksanakan tanggungjawab apabila tiba masanya.

Pada pendapat para Pengarah, tiada perkara, transaksi, atau peristiwa luar biasa yang berlaku di antara tempoh akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang berkemungkinan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2018.

TANGGUNGAN KERUGIAN OLEH PENGARAH, PEGAWAI ATAU JURUAUDIT

Tiada ganti rugi yang diberikan atau premium insurans yang dibayar, semasa atau sejak akhir tahun kewangan, untuk mana-mana orang yang telah atau pernah menjadi pengarah, pegawai atau juruaudit Syarikat.


GANJARAN JURUAUDIT

Jumlah yang dibayar kepada atau boleh diterima oleh juruaudit sebagai imbuhan untuk perkhidmatan mereka sebagai juruaudit dinyatakan dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.


JURUAUDIT BEBAS

Juruaudit bebas, Tetuan A. Razak & Co., telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani menerusi resolusi Lembaga Pengarah,



DATO' HAJI MAT REJAB BIN KASSIM
Pengarah




DATUK HAJI MOHAMAD ALI BIN HASAN
Pengarah

Kuala Lumpur
Tarikh: 16 April 2019


**PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH
MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 251(2) AKTA SYARIKAT, 2016**

Pada pendapat para Pengarah, penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 158 hingga 166 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Syarikat pada 31 DISEMBER 2018 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut sejajar dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (Malaysian Private Entity Reporting Standards) serta peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Ditandatangani menerusi resolusi Lembaga Pengarah,



DATO' HAJI MAT REJAB BIN KASSIM
Pengarah




DATUK HAJI MOHAMAD ALI BIN HASAN
Pengarah

Kuala Lumpur.
Tarikh: 16 April 2019

**AKUAN BERKANUN
MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 251(1)(b) AKTA SYARIKAT, 2016**

Saya, DATO' HAJI MAT REJAB BIN KASSIM, pengarah yang terutama bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan KIMALI CONSTRUCTION SDN. BHD., dengan ikhlasnya mengaku bahawa penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 158 hingga 166, pada pendapat saya, benar dan saya membuat akuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.


Ditandatangani dan diakui oleh DATO' HAJI MAT REJAB BIN KASSIM , No. K/P 470528-02-5035 di Kuala Lumpur di negeri Wilayah Persekutuan pada 16 April 2019.



DATO' HAJI MAT REJAB BIN KASSIM

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur.





51-2D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10,
Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-92829032 (Hunting Line)
92819844, 92812044, 92859768
Fax : 03-92853870, 92853871
E-mail : arazaknco@gmail.com
Website : www.arazaknco.com.my

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI KIMALI CONSTRUCTION SDN. BHD. (85639 U) (Ditubuhkan di Malaysia)

Laporan Terhadap Audit ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan KIMALI CONSTRUCTION SDN. BHD. yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat pada 31 DISEMBER 2018, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 158 hingga 166.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 DISEMBER 2018 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan dibawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami merupakan juruaudit bebas Syarikat ini selaras dengan By-Laws (*Professional Ethics, Conduct and Practice*), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan *International Ethics Standards Board for Accountants' Code of Ethics for Professional Accountants* ("IESB Code") dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan kod IESBA.

Ketidakpastian Ketara Berkaitan dengan Usaha Berterusan

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2(b) di dalam penyata kewangan yang menunjukkan syarikat rugi bersih sebanyak RM 1,580 yang tahun berakhir pada 31 Disember 2018, liabiliti semasa syarikat melebihi aset semasa sebanyak RM28,089 dan defisit para pemegang saham berjumlah RM28,089. Seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(b), peristiwa-peristiwa atau keadaan, bersama-sama dengan perkara-perkara lain seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(b), menunjukkan bahawa sesuatu ketidakpastian ketara yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan syarikat untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Pendapat kami tidak diubahsuai berkenaan dengan perkara ini.

Laporan-laporan Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas laporan lain. Laporan-laporan lain termasuk Laporan Pengarah-pengarah tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit mengenainya.

Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Syarikat dan ini tidak termasuk Laporan Pengarah-pengarah dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Syarikat, menjadi tanggungjawab kami membaca Laporan Pengarah-pengarah dan mempertimbangkannya samada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Laporan Pengarah-pengarah, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan mengenainya.

Tanggungjawab Para Pengarah Ke Atas Audit Penyata Kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Para pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah bertanggungjawab menilai kemampuan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan para Pengarah berniat untuk membubarkan Syarikat atau menghentikan operasi.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, samada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA) Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan memelihara kewangan secara profesional. Kami juga :-


- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Syarikat, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Syarikat.


- Memahami kawalan dalaman yang relevan bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh para Pengarah.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan ke atasnya, samada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.

Kami juga berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.

Perkara-perkara Lain

Laporan ini hanya disediakan untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.


A. RAZAK & CO.
AF: 0842
Akauntan-akauntan Bertauliah


ABD RAZAK BIN HJ. NAZAH DIN
No. 01522/03/2020 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur.
Tarikh: 16 April 2019

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018**

	NOTA	2018 RM	2017 RM
ASET			
Aset Semasa		-	-
JUMLAH ASET		-	-
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang ekuiti syarikat			
Modal saham	5	327,000	327,000
Kerugian terkumpul		(355,089)	(353,509)
Jumlah ekuiti		(28,089)	(26,509)
Liabiliti Semasa			
Pelbagai pemiutang	6	500	500
Terhutang kepada syarikat berkaitan	7	780	780
Terhutang kepada perbadanan induk utama	8	26,809	25,229
		28,089	26,509
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		-	-

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	NOTA	2018 RM	2017 RM
Hasil kendalian		-	-
Perbelanjaan operasi		(1,580)	(1,431)
Kerugian sebelum cukai	9	(1,580)	(1,431)
Cukai	10	-	-
Kerugian komprehensif untuk tahun ini		(1,580)	(1,431)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	Modal Saham RM	Kerugian Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2017	327,000	(352,078)	(25,078)
Kerugian komprehensif untuk tahun semasa	-	(1,431)	(1,431)
Baki pada 31 Disember 2017	327,000	(353,509)	(26,509)
